



SIARAN AKHBAR

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BERKENAN MENYERTAI MESYUARAT *THE APEC INFORMAL LEADERS' RETREAT* MELALUI PERSIDANGAN VIDEO

Bandar Seri Begawan, Juma'at, 16 Julai 2021

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkhia Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, malam ini berkenan menyertai para Pemimpin Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (APEC) bagi Mesyuarat *The APEC Informal Leaders' Retreat* secara maya melalui persidangan video dari Baitul Mesyuarah, Istana Nurul Iman.

Mesyuarat APEC yang telah dipengerusikan oleh The Right Honourable Jacinda Ardern, Perdana Menteri New Zealand selaku Pengerusi APEC bagi tahun 2021 ini antara lainnya memberi tumpuan kepada usaha-usaha sektor ekonomi dan kesihatan dalam bertindak balas terhadap pandemik COVID-19 di rantau Asia-Pasifik.

Pada Mesyuarat ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah menekankan pentingnya APEC meneruskan kerjasama rapat dalam mengharungi cabaran-cabaran semasa, dan Baginda seterusnya mengongsikan tiga perkara utama.

Pertama, pemulihan ekonomi bergantung kepada kecepatan penyampaian vaksinasi COVID-19 kepada orang ramai. Maka, APEC perlu terus melengkapkan usaha-usaha antarabangsa dalam memastikan kesaksamaan dan kemampuan untuk memiliki barangan awam global (*global public good*) ini. APEC digalakkan untuk meneroka kerjasama dalam penghasilan vaksin dan peralatan COVID-19 di rantau Asia Pasifik.

Kedua, ekonomi-ekonomi APEC perlu meneliti semula pendekatan terhadap pembangunan ekonomi untuk mencapai perkembangan yang mampan dan inklusif. Usaha-usaha seperti memperkasa rakyat; meningkatkan produktiviti perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS); membina pembangunan lestari dan memanfaatkan teknologi inovatif adalah merupakan elemen-elemen penting dalam membantu ekonomi-ekonomi APEC untuk mengadaptasi kepada "norma baharu". Elemen-elemen tersebut juga ditekankan sebagai pemangkin kritikal dalam hala tuju Negara Brunei Darussalam ke arah mencapai ekonomi yang dinamik dan mampan menjelang tahun 2035, sepertimana yang dinyatakan di dalam *Economic Blueprint* negara. Justeru itu, Negara Brunei Darussalam menghargai kerjasama rapat ekonomi-ekonomi APEC melalui perkongsian amalan-amalan terbaik dan penglibatan dalam inisiatif-inisiatif pembangunan kapasiti.



Ketiga, peningkatan perdagangan antarabangsa adalah penting untuk pemulihan ekonomi global. APEC perlu memastikan urus tadbir perdagangan global yang akan dapat membina semula keyakinan dalam sistem perdagangan pelbagai hala dan mendokong ekonomi-ekonomi untuk membangun kembali dengan lebih baik. Untuk itu, Negara Brunei Darussalam menghargai sokongan padu APEC terhadap usaha-usaha Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO) dan berharap agar Persidangan Menteri-Menteri WTO Ke-12 pada tahun ini akan dapat membuahkan hasil dengan jayanya.

Ke arah pemulihan dunia, Baginda seterusnya bertitah, Negara Brunei Darussalam tetap komited untuk bekerjasama dengan ekonomi-ekonomi APEC bagi mencapai masa hadapan yang lebih baik, sepertimana yang dihasratkan dalam Visi APEC Putrajaya 2040.

Terdahulu sebelum itu, Pengerusi APEC 2021 dalam Ucapan Pembukaannya, antara lainnya menekankan bahawa Mesyuarat tersebut merupakan satu peluang bagi memperbaharui komitmen untuk penglibatan semua dan membina tindak balas kolaboratif terhadap pandemik COVID-19.

Dalam Mesyuarat ini, para pemimpin telah mendengarkan pembentangan daripada Kristalina Georgieva, Pengarah Urusan Dana Monetari Antarabangsa (IMF); dan Michael Ryan, Pengarah Eksekutif Program Kecemasan Kesihatan, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), yang antara lainnya bersetuju bahawa pandemik ini mengetengahkan tentang kurangnya persediaan, koordinasi dan kedayatahan di kalangan ekonomi-ekonomi APEC, dan pentingnya untuk membuat pelaburan ke arah sistem kesihatan yang kukuh. Ini adalah sebagai tambahan ke atas empat bidang utama yang difokuskan oleh pihak IMF, iaitu perubahan iklim, transformasi digital, kerentanan masyarakat dan pertumbuhan inklusif.

Para pemimpin juga menekankan kepentingan untuk memastikan akses vaksinasi yang saksama dan berpatutan; mengukuhkan rantai bekalan di bawah sistem perdagangan yang berdasarkan peraturan dan perintah antarabangsa; serta memupuk kerjasama lebih erat bagi memudahcara pergerakan barang-barang asasi.

Perdana Menteri New Zealand semasa menyampaikan Ucapan Penutup mengalukan komitmen ekonomi-ekonomi APEC untuk mengukuhkan sistem kesihatan; melestarikan ekonomi semasa krisis kesihatan; dan mempercepatkan pemulihan ekonomi dengan memfokuskan perdagangan dan inklusiviti tanpa ada sesiapa yang tertinggal.

Pada penghujung Mesyuarat, Kenyataan *Informal APEC Leaders' Retreat on COVID-19* telah diluluskan.



JABATAN PERDANA MENTERI

Jalan Perdana Menteri
Bandar Seri Begawan BB3913
Negara Brunei Darussalam

5 Zulhijjah 1442
16 Julai 2021



PRESS RELEASE

HIS MAJESTY THE SULTAN AND YANG DI-PERTUAN OF BRUNEI DARUSSALAM JOINS THE APEC INFORMAL LEADERS' RETREAT VIA VIDEO CONFERENCE

Bandar Seri Begawan, Friday, 16th July 2021

His Majesty Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam, this evening joined The Asia-Pacific Economic Cooperation (APEC) Informal Leaders' Retreat, which was held virtually via video conference from Baitul Mesyuarah, Istana Nurul Iman.

The APEC Meeting which was chaired by The Right Honourable Jacinda Ardern, Prime Minister of New Zealand as Chairman of APEC for 2021, among other things, focused on the efforts of the economic and health sectors in responding to the COVID-19 pandemic in the Asia-Pacific region.

At the Meeting, His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam in his titah, stressed the importance for APEC to continue close cooperation in addressing current challenges, and shared three main points.

Firstly, economic recovery hinges on expediting the delivery of COVID-19 vaccinations to the public. APEC's work should thus continue to complement international efforts in securing equitable and affordable access to vaccines as a global public good. APEC is encouraged to explore cooperation in jointly producing COVID-19 vaccines and toolkits for the Asia-Pacific region.

Secondly, APEC economies should review their approach to economic development to better attain sustainable and inclusive growth. Efforts such as empowering people; enhancing Micro, Small and Medium Enterprises (MSMEs) productivity; building sustainable infrastructures and leveraging on innovative technologies are key elements in helping APEC economies adapt to the "new normal". These elements are also recognised as critical enablers in Brunei's own journey towards a dynamic and sustainable economy by 2035, as envisaged in its Economic Blueprint. Brunei therefore values close cooperation with APEC economies through the sharing of best practices and involvement in capacity-building initiatives.

Lastly, increasing international trade is crucial for global economic recovery. APEC needs to ensure that global trade governance will rebuild confidence in the multilateral trading system and support economies in building back better. Brunei Darussalam therefore appreciates APEC's strong support for the World Trade Organization's (WTO) work, and looks forward to successful outcomes at the 12th WTO Ministerial Conference later this year.



As the world moves towards recovery, Brunei Darussalam remains committed to working with APEC economies in realising a better future for all, as envisioned in the APEC Putrajaya Vision 2040.

Earlier in the Meeting, the APEC Chairman for 2021, in her opening remarks highlighted that the Meeting is an opportunity to renew commitments to engage with one another and build collaborative responses to the COVID-19 pandemic.

At the Meeting, the leaders observed presentations by Kristalina Georgieva, Managing Director of the International Monetary Fund (IMF); and Michael Ryan, Executive Director of the Health Emergencies Programme, World Health Organization (WHO), in which they agreed that the pandemic has underlined the lack of preparedness, coordination and resilience among APEC economies, thus it is important for economies to invest towards strong health systems. This is in addition to the four areas that the IMF is looking at namely climate change, digital transformation, vulnerable communities and inclusive growth.

The leaders also emphasised the importance of ensuring equitable and affordable access to vaccinations; strengthening supply chains under a rules-based trading system and international order; as well as foster closer cooperation in facilitating movement of essential goods.

The Prime Minister of New Zealand in her closing remarks, welcomed APEC's commitment to strengthen health systems; sustain economies during the health crisis; and accelerate economic recovery with a focus on trade and inclusivity in leaving no-one behind.

At the end of the Meeting, the Statement of the Informal APEC Leaders' Retreat on COVID-19 was adopted.

PRIME MINISTER'S OFFICE

Jalan Perdana Menteri
Bandar Seri Begawan BB3913
Brunei Darussalam

5th Zulhijjah 1442
16th July 2021